

# **PENGUNAAN WARNA DALAM PENGAJARAN HUKUM MAD ASLI TERHADAP MURID TAHUN LIMA DALAM BACAAN SURAH AD-DHUHA**

Ag Ruzaini Ag Ali Omar

Siti Hajar Ahmad Sabari

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

tammali\_maak87@yahoo.com

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk membina satu pendekatan inovatif dalam membantu murid menguasai hukum Mad Asli dengan mudah. Elemen warna dilihat berupaya merangsang lima orang peserta kajian ini. Peserta kajian telah diberikan satu kad ayat surah Ad-Dhuha. Setiap huruf yang mengandungi hukum Mad Asli akan diwarnakan. Kajian ini dibina berdasarkan teori pengamatan, visual dan Gagne. Kaedah pemerhatian, lembaran kerja pra dan pasca dan catatan refleksi digunakan untuk mengumpul data tentang kesan kajian. Penggunaan warna dalam surah ad-Dhuha ini didapati terbukti membantu lima orang peserta kajian mengenal pasti hukum berkenaan selain menambah baik amalan saya. Saya ingin melanjutkan kajian ini dalam sesi akan datang supaya menyumbang hasil lebih optimum.*

*Kata kunci : Penggunaan warna, penguasaan hukum tajwid, surah ad-Dhuha, hukum Mad Asli, murid tahun Lima.*

## **PENDAHULUAN**

Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)ambilan Januari 2009 yang kini berada di semester Tujuh. Dalam praktikum fasa ketiga ini, saya telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan A, Kuching iaitu 9.5 kilometer (km) dari Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL). Tempoh praktikum kali ini adalah selama tiga bulan bermula dari 30 Januari 2012 sehingga 27 April 2012.

Dalam praktikum kali ini, saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Al-Quran kelas Tahun Lima Cempaka dengan pembahagian masa dua waktu untuk pengajaran Al-Quran, dua waktu (Ulum Syariah) dan satu waktu untuk pengajaran Jawi. Bagi enam bulan pertama sesi pembelajaran kali ini, antara fokus pengisian pengajaran saya ialah Program Khatam Al-Quran Enam Bulan Pertama. Berdasarkan Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum j-QAF serta Modul Pengajian Islam Major (2005), antara objektif pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang perlu dicapai melalui program ini ialah murid dapat menguasai kaedah Iqra' dan murid dapat membaca Al-Quran dengan lancar dan bertajwid. Berdasarkan objektif tersebut, saya dapat membuat perkaitan dengan masalah murid 5 Cempaka semasa sesi pengajaran Al-Quran iaitu murid gagal membaca Al-Quran dengan bertajwid, khususnya hukum asas Mad Asli.

Saya telah membuat kajian berkaitan dengan amalan pengajaran yang berkesan dalam memastikan kelemahan murid dalam bacaan Al-Quran secara bertajwid di samping memupuk minat mendalam kepada ilmu Al-Quran. Maka, saya telah menjalankan satu kajian tindakan berkenaan "Penggunaan Warna Dalam Pengajaran Hukum Mad Asli Terhadap Murid Tahun Lima Dalam Bacaan Surah Ad-Dhuha".

## **MASALAH KAJIAN**

Kajian lepas telah membuktikan bahawa masalah terbesar yang dialami oleh murid sekolah rendah dan menengah ialah menguasai kemahiran membaca Al-Quran (Raihan , 2000 ; Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2000 dan Mohammad Aderi, 2004). Kajian Mohammad Alwi (2000) juga menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengajaran Pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan pengajaran tilawah Al-Quran dalam kalangan pelajar.

Masalah ini turut berlaku dalam tinjauan awal permasalahan kajian tindakan saya. Masalah yang dihadapi oleh murid-murid 5 Cempaka ini ialah mereka gagal mengenal pasti serta membaca perkataan yang mengandungi hukum tajwid Mad Asli. Isu ini dapat dilihat berdasarkan kepada pemerhatian awal 4 minggu pertama semasa praktikum ketiga dijalankan. Sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan baik, dikhuatiri murid akan terus membaca Al-Quran dengan salah terutamanya dalam hukum asas seperti Mad Asli ketika dalam solat serta bacaan Al-Quran harian mereka.

## **FOKUS KAJIAN**

Kajian ini difokuskan untuk meningkatkan tahap bacaan murid-murid tahun 5 Cempaka ini dalam hukum tajwid Mad Asli dengan menggunakan kad imbasan Al-Quran berwarna. Huruf-huruf Mad Asli yang terkandung di dalam surah Ad-Dhuha ini akan diwarnakan dengan warna merah. Hal ini bertujuan memudahkan murid mengingat serta mengaplikasi bacaan secara tepat. Pemilihan fokus ini dibuat berdasarkan kepada hasil tinjauan awal yang didapati melalui perbincangan bersama guru subjek Pendidikan Islam 5 Cempakasebelum ini serta refleksi pemerhatian dalam sesi P&P yang dijalankan. Daripada tinjauan tersebut, saya mendapati murid-murid menghadapi masalah dalam bacaan bertajwid Mad Asli. Justeru, saya merasakan satu kaedah pengajaran berkesan perlu dilaksanakan

dengan harapan agar penguasaan hukum tajwid dalam bacaan Al Quran khususnya hukum Mad Asli murid-murid dapat dipertingkatkan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti tahap keberkesanan amalan pengajaran pengkaji melalui penggunaan warna pada hukum Mad Asli di dalam bidang Asuhan Tilawah Al-Quran.
2. Mengenal pasti tahap penguasaan hukum tajwid Mad Asli murid melalui penggunaan warna pada huruf-huruf mad.
3. Mengenal pasti tahap minat murid terhadap bacaan Al-Quran berdasarkan pengajaran melalui penggunaan warna.

## **PESERTA KAJIAN**

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, saya telah mensasarkan lima orang murid Tahun 5 Cempaka yang memperolehi markah paling rendah dalam dua latihan awal yang telah saya berikan berkaitan dengan hukum Mad Asli. Peserta terdiri daripada 3 murid lelaki dan 2 murid perempuan. Mereka agak lemah dalam penguasaan pembelajaran namun masih boleh membaca Al-Quran dengan bimbingan guru. Saya akan memerihalkan ciri-ciri bagi setiap peserta kajian yang dipilih. Murid A, merupakan seorang murid lelaki yang berkulit hitam manis, agak berisi dan sangat gemar bercakap di dalam kelas. Boleh saya katakan, murid ini adalah murid yang terlalu aktif. Murid B pula merupakan seorang murid perempuan yang agak pasif namun suka menjawab soalan yang diberikan. Murid C juga merupakan seorang murid perempuan yang agak aktif dan suka membuat kerjanya sendiri. Murid ini perlu sentiasa ditegur agar dapat kembali mengikuti sesi P&P.

Murid D pula merupakan seorang murid lelaki yang pendiam dan mudah terikut-ikut dengan sikap rakannya yang lain. Murid ini suka memberikan soalan dan sentiasa menghantar latihan yang diberikan sebelum tamat sesi persekolahan walaupun banyak kesalahan. Manakala murid E pula juga seorang murid lelaki yang merupakan pengawas sekolah. Murid ini berkulit hitam manis dan mempunyai daya kepimpinan yang amat baik. Namun dia agak lambat memahami isi pelajaran.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah:

### *Borang Pemerhatian*

Dalam borang ini dicatatkan data-data yang diperolehi melalui pemerhatian yang dijalankan ke atas peserta kajian sepanjang saya menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Bagi menjamin kebolehpercayaan data yang diperolehi, aktiviti pemerhatian ini dijalankan oleh rakan sepraktikum.

### *Lembaran Latihan Pra dan Pasca*

Borang ini mengandungi teks Surah Ad-Dhuha ayat 1 hingga 11. Dalam set latihan yang saya berikan ini semuanya dicetak dengan ayat-ayat yang berwarna hitam keseluruhannya. Dalam sesi P&P harian, saya telah memberikan penerangan dengan menggunakan *slide power point* yang menonjolkan penggunaan warna dalam huruf-huruf dalam surah ini yang mengandungi hukum Mad Asli. Dalam masa sama, murid juga diberikan satu lembaran surah Ad-Dhuha yang mengandungi warna bagi huruf-huruf Mad Asli. Namun dalam latihan sahaja, murid langsung tidak diberikan sebarang petanda dalam mengenal pasti hukum tersebut.

### *Catatan refleksi*

Catatan refleksi yang dilakukan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan juga menjadi bahan rujukan utama dalam menjalankan penyelidikan tindakan ini. Melalui refleksi yang dilakukan, saya dapat menilai semula serta membuat rumusan berkaitan keberkesanan pelaksanaan kaedah warna dalam hukum tajwid Mad Asli serta rekod respon dan perkembangan peserta kajian. Dalam masa yang sama, saya juga menggunakan jurnal mingguan sebagai rujukan kajian.

### **DAPATAN KAJIAN**


*Terdapat peningkatan dalam kemahiran murid mengenal pasti kalimah yang mengandungi tanda-tanda hukum Mad Asli*

Berdasarkan kepada penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam surah Ad-Dhuha telah menunjukkan peningkatan yang cukup ketara dalam kalangan lima peserta kajian yang terlibat. Pada peringkat awal, para peserta kajian gagal mengenal pasti kalimah yang mengandungi hukum tersebut lantaran tiada penekanan khusus kepada tanda-tanda hukum Mad Asli ini. Namun apabila peserta kajian diberikan kad ayat surah Ad-Dhuha berwarna, mereka boleh memahami konsep hukum ini. Walaupun fasa memberikan pendedahan mengenai tanda ini mengambil masa tinjauan yang agak lama, iaitu selama dua bulan, namun kajian mendapati perubahan drastik dalam latihan pra dan pasca pengenalan kaedah ini. Ini dijelaskan melalui jadual berikut :

Jadual 1 : Perbandingan Markah Latihan Pra dan Pasca bagi Hukum Mad Asli

SAMPEL	KEPUTUSAN		NILAI TOKOKAN (+/-)
	Latihan Pra	Latihan Pasca	
Murid 1	28%	72%	+44%
Murid 2	17%	83%	+66%
Murid 3	22%	78%	+56%
Murid 4	39%	72%	+33%
Murid 5	17%	72%	+55%

Keputusan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan kosisten dalam jumlah markah yang diperolehi oleh lima orang peserta kajian yang dipilih. Dalam bahagian ini, murid 1 telah memperoleh markah sebanyak 28% dalam latihan pra dan menokok kepada 72% dalam latihan pasca. Manakala murid 2 (17% - 83%), murid 3 (22% - 78%), murid 4 (39% - 72%) dan murid lima mencatatkan markah ujian pra sebanyak 17% dan meningkat kepada 72% dalam ujian pasca. Latihan pra telah dijalankan pada 27 Februari 2012 dan latihan pasca telah dijalankan pada 16 April 2012.



Graf 1 : Graf Keseluruhan Prestasi Murid terhadap latihan berkaitan Hukum Mad Asli

Graf di atas menunjukkan rekod perkembangan prestasi murid dalam empat sesi latihan yang telah diberikan oleh saya sepanjang tempoh berpraktikum. Latihan pertama telah dijalankan pada 14 Februari, 27 Februari, 26 Mac dan 16 April.

*Murid dapat membaca ayat yang mengandungi hukum Mad Asli dengan lebih baik.*

Berdasarkan kepada pemerhatian kualiti bacaan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang lalu, berlaku perubahan yang amat ketara dalam bacaan murid khususnya dalam hukum tajwid Mad Asli. Dalam sesi pemerhatian P&P pertama bertarikh 7 Februari 2012, kelima-lima peserta kajian langsung tidak dapat membaca dengan betul terutamanya hukum Mad Asli. Hal ini berlarutan dalam sesi P&P seterusnya yang bertarikh 13 Februari, 27 Februari dan 26 Mac. Manakala dalam sesi yang berikutnya bertarikh 9 April dan 16 April telah menunjukkan kemampuan murid membaca dengan harakat yang betul dalam surah tumpuan ad-Dhuha. Perkembangan ini dicatatkan dalam refleksi P&P saya di akhir sesi. Di samping itu, berdasarkan kepada pemerhatian rakan sepraktikum, beberapa respon telah



diberikan, berdasarkan borang pemerhatian (bertarikh 27 Februari dan 16 April 2012) berikut:

Jadual2 : Perbandingan Hasil Pemerhatian sesi P&P rakan sepraktikum

Bil	Perkara yang difokuskan	Tarikh Pemerhatian	
		27 Februari	16 April
1	Murid dapat menyatakan maksud hukum tajwid Mad Asli dengan betul	√	√
2	Murid dapat menyatakan huruf-huruf Mad Asli	√	√
3	Murid dapat mengeluarkan kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli	X	√
4	Murid dapat membaca kalimah yang mengandungi hukum Mad Asli dengan tepat	X	√
5	Kesalahan bacaan hukum Mad Asli kurang	X	√
6	Guru memberikan bimbingan berkenaan hukum Mad Asli semasa sesi p&p.	√	X

*Minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Al-Quran juga dapat dipositifkan*

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pertama, tiada tanda jelas yang menunjukkan murid tertarik untuk mengikuti sesi P&P Al-Quran yang saya jalankan secara aktif. Walaupun murid-murid mengikuti setiap bacaan yang dibawa oleh guru, namun demikian lama-kelamaan mereka mudah hilang tumpuan apatah lagi gagal memahami konsep hukum tajwid Mad Asli itu sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui refleksi saya yang pertama (13 Februari 2012) serta penulisan jurnal minggu ketiga pada tarikh yang sama. Namun dalam penulisan refleksi saya dalam P&P bertarikh 16 April 2012, murid telah menunjukkan minat mereka terhadap isi P&P yang dijalankan khususnya dalam pengajaran Tilawah Al-Quran kerana

adanya kepelbagaian aktiviti bertulis dalam pembelajaran mereka. Murid juga menunjukkan minat terhadap latihan yang diberikan.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Saya dapati pada peringkat awal pengajaran dan pembelajaran Al-Quran yang telah dijalankan, murid kurang berminat dan cepat bosan terhadap sesi pembelajaran yang dijalankan. Lazimnya murid hanya diminta untuk membaca ayat-ayat tertentu dengan bimbingan guru serta menggunakan kaedah konvensional seperti membaca dengan menggunakan Al-Quran semata-mata dan tiada kepelbagaian dalam pelaksanaan aktiviti. Namun, dengan menggunakan kaedah warna dalam memperkenalkan hukum tajwid asas Mad Asli ini, menunjukkan kepada perubahan yang cukup konsisten dalam diri peserta kajian.

Walaupun kaedah ini mengambil masa yang agak lama, namun keberkesanannya dapat dioptimumkan sekaligus mengurangkan kesalahan murid dalam membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan minat mereka untuk mendalami ilmu ini. Dalam peringkat awal, murid akan diberikan pengenalan secara terperinci berkaitan kaedah ini dan sentiasa diulang dalam setiap sesi P&P Al-Quran. Penekanan kepada konsep warna dan latihan yang berterusan membantu peserta kajian menunjukkan peningkatan yang positif.

Dapatan kajian ini sesungguhnya memberikan satu petunjuk yang ketara bahawa bidang Tilawah Al-Quran ini bukanlah sesuatu yang membosankan dan sekadar untuk menuruti sukatan pelajaran semata-mata. Melalui kaedah serta kepelbagaian aktiviti yang diaplikasikan akan membantu murid dalam mengubah persepsi negatif tersebut. Walaupun berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, murid tidak mencapai 100% penguasaan, namun demikian, perubahan yang ditunjukkan dengan lonjakan sebanyak 50% daripada markah yang diperolehi dalam latihan pra menunjukkan kaedah ini membawa kesan positif yang

ketara. Kajian ini akan diteruskan lagi dalam sesi *internship* yang akan dijalankan pada bulan Julai 2012 bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaannya sekaligus membantu murid-murid sekolah rendah khususnya dalam memperbaiki bacaan bertajwid Al-Quran.

Kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk meningkatkan keupayaan murid mempelajari hukum tajwid Mad Asli dengan cara mudah, pantas dan kekal. Dengan mempraktikkan ilmu tajwid dalam pembacaan al-Quran, seseorang itu akan terhindar daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang merosakkan bacaan atau mencacatkannya. Sekiranya membaca Al-Quran dengan tajwid yang betul merupakan satu kewajipan bagi setiap muslim, maka membacanya dengan tajwid yang salah merupakan suatu dosa. Kesalahan dalam bacaan al-Quran terbahagi kepada dua dan salah satunya adalah kesalahan Nyata ( لحن الجلي ) yang ditakrifkan oleh Ibn al-Jazari sebagai kesalahan yang berlaku pada lafaz yang membawa kepada kerosakan makna dan huruf bacaan. Kesalahan nyata bermaksud kesalahan yang dilakukan pada struktur perkataan sama ada kesalahan itu mencacatkan makna perkataan atau tidak. Perkataan Jali ( جلي ) di sini bermaksud sesuatu kesalahan yang dapat disedari dengan jelas dan terang-terangan. Seorang ulama Mutaakhirin, Dr. AbdulAziz Abdul Fattah al-Qari talah mengemukakan takrifan dengan berkata: Kesalahan yang berlaku pada lafaz-lafaz dan menyebabkan kerosakan makna kalimah secara jelas dan perkara tersebut diketahui oleh ulama dan juga orang awam. Hukum melakukan kesalahan nyata ini adalah haram secara Ijmak Ulama tidak kira kesalahan itu dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja atau tidak diendahkan.

Dalam kajian akan datang, saya akan cuba menyebarluaskan kaedah ini dalam surah-surah lain dan memilih peserta kajian yang benar-benar agak lambat untuk memahami pembelajaran hukum tajwid. Sesungguhnya kaedah penggunaan warna ini amat sesuai bagi murid yang mempunyai prestasi penerimaan pembelajaran yang lemah. Sekiranya sebelum

ini aplikasinya hanya khusus untuk hukum tajwid Mad Asli, berkemungkinan boleh dilanjutkan kepada pengenalan hukum asas lima tajwid yang lain.

Apa yang saya harapkan cadangan serta pelaksanaan kajian tindakan saya ini akan dijadikan rujukan oleh guru-guru Pendidikan Islam yang lain bagi menangani masalah murid dalam penguasaan hukum tajwid. Walau bagaimanapun bentuk pelaksanaan kajian tindakan ini boleh diubahsuaikan mengikut kesesuaian dan keadaan murid.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Mohammad Salleh. (2008). *Siri Pendidikan Guru Pengajian Agama Islam dan j-QAF – Metodologi dan Pedagogi Pendidikan KPLI*. Shah Alam : Penerbitan Oford Fajar Sdn. Bhd.
- Chow Fook Meng. (2004). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan dalam Pengajaran*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Fadzila Mustapa. (2007). *HBIS 1103 Pengenalan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : UNITEM Sdn.Bhd.
- Habsah Ishak. (2006). *Penggunaan Simbol dan Kata Kunci dalam Hukum Tajwid dengan Penekanan kepada Nun dan Tanwin serta Sakinah*. Retrieved March 15, 2012, from [salsabilatang.files.wordpress.com](http://salsabilatang.files.wordpress.com)
- Hajijah Hasan. (2008). *Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima. Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2009). *Buku Panduan Pelaksanaan Model-Model Pengajaran, Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 4*.
- Mohd Aderi Che Noh. (2009). *Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 57-72
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, Wan Kamaruddin Wean Hassan. (2009). *Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Shah Alam : Penerbitan Oford Fajar Sdn. Bhd.

Nornajidah Abdul Rahman. (2008). Panduan Pemilihan Kombinasi Warna bagi Reka bentuk Skrin dan Penggunaan Multimedia. *Jabatan Ilmu Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.*

Salina Saadon. (2006). Persepsi Pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 terhadap Pembelajaran Al-Quran. *Jabatan Ilmu Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.*

Zubaidah Begam. (2007). Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik : Tinjauan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Tahun Pertama, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jabatan Ilmu Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.*